

PEMBAYARAN GERAN DANA KANDUNGAN DIGITAL

Kementerian Komunikasi dan Multimedia*

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pembayaran Geran Dana Kandungan Digital (DKD) yang disalurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) kepada Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK) K-KOMM, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menentukan sama ada pembayaran geran DKD mengikut undang-undang, syarat perjanjian, garis panduan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam pembayaran geran DKD melibatkan pembaziran dan kerugian wang awam berjumlah RM4 juta dan pembayaran tidak teratur berjumlah RM7.31 juta. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan oleh K-KOMM terhadap peraturan dan perjanjian yang berkuat kuasa. Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - pembayaran projek DKD tahun 2017 hingga 2019 berjumlah RM4 juta gagal disiapkan setakat 31 Mei 2022;
 - pembayaran DKD berjumlah RM3.25 juta sebelum projek terdahulu diselesaikan;
 - penyaluran DKD berjumlah RM4 juta kepada syarikat yang mempunyai kepentingan dengan ahli Perbadanan atau Jawatankuasa; dan
 - pembayaran tidak teratur DKD berjumlah RM60,000 dan penjualan hak penyiaran tanpa kelulusan.

* Kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Digital

**Apa yang
disyorkan**

Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - K-KOMM perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap akta, syarat dan garis panduan DKD. Penilaian permohonan perlu dilakukan dengan lebih teliti dan berhati-hati bagi memastikan pemohon mematuhi akta, syarat dan garis panduan DKD;
 - pemantauan terhadap syarikat yang menerima DKD perlu dipertingkatkan bagi memastikan projek disiapkan dalam tempoh masa dan mengikut syarat yang ditetapkan; dan
 - memastikan penjualan hak penyiaran kepada pihak luar dikawal dan sekiranya dibenarkan, perkongsian hasil jualan perlu ditetapkan.